



**TEKS UCAPAN
YB TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF
YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**BERSEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM SAMBUTAN 60 TAHUN
PARLIMEN MALAYSIA**

**PADA 4 DISEMBER 2019 @ 8.30 MALAM
DEWAN BANKUET PARLIMEN MALAYSIA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

(Salutations)

Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali;

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim;

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri SA Vigneswaran,
Yang di-Pertua Dewan Negara;

Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang & Hal Ehwal Parlimen)
& YBhg. Datin Dr. Lindai Lee;

Yang Berhormat Dato' Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
mewakili Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia;

Yang Berhormat Menteri-Menteri;

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri;

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

Setiausaha-Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat;

Dif-Dif Kehormat; Para hadirin yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada malam ini, bagi meraikan **Majlis Sambutan 60 Tahun Parlimen Malaysia**.

*Bunga gantang bunga tanjung,
Cantik sekali si bunga sena,
Tuan datang tuan berkunjung,
Majlis menjadi amat istimewa.*

2. Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kesemua tetamu kehormat, terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana sudi meluangkan masa bersama kami di majlis penuh bermakna pada malam ini.

3. Ianya cukup istimewa yang melambangkan satu manifestasi hubungan akrab dan sokongan Kerajaan terhadap fungsi dan kedudukan institusi Parlimen dalam amalan sistem demokrasi berparlimen. Manakala, majlis ini pula tidak akan dapat direalisasikan, tanpa kerjasama dan komitmen erat oleh pelbagai pihak, terutamanya Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh YBhg. Datuk Kamis Samin, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia dan warga Parlimen khususnya. Syabas dan terima kasih saya ucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kompleks Bangunan Parlimen ini telah dirasmikan pada **2 November 1963**, oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong III, Tuanku Syed Putra Al-Haj ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullai. Reka bentuknya pula, dibina hasil ilham Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Arkitek bangunan Parlimen ini yang kian berdiri sebagai bangunan ikonik di Malaysia ialah Ivor Shipley dari Britain yang bekerja dengan JKR di kala itu.

5. Seperti yang mungkin diketahui umum, pada masa kemerdekaan negara ini, *Federal Legislative Council* terus berfungsi sebagai badan perundangan untuk Persekutuan Tanah Melayu di ketika itu sehingga Parlimen yang kita kenali sekarang mula bersidang pada 11 September 1959 yang bersidang di Tunku Abdul Rahman Hall di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Malam ini kita berkumpul di Dewan Bankuet ini yang juga melakari berbagai-bagai sejarah. Misalnya, Malaysia buat pertama kalinya telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada **Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada 18 hingga 24 Oktober 1989**. Sebanyak 45 buah negara anggota telah menghadiri mesyuarat ini dengan 35 buah negara diwakili oleh Ketua Negara atau Perdana Menteri mereka.

7. Parlimen Malaysia, pada ketika itu, telah diberikan **penghormatan dan kepercayaan** untuk menguruskan upacara pembukaan kepada Mesyuarat tersebut. Saya percaya, warga

Parlimen serta pelbagai pihak yang terlibat, telah berusaha sepenuh daya untuk memastikan upacara **pembukaan CHOGM** berlangsung dengan jayanya di Dewan Bankuet ini.

8. Sesungguhnya, Parlimen ini mempunyai hubungan yang bermakna dengan The Commonwealth, terutama melalui **Commonwealth Parliamentary Association (CPA)**. Ahli-Ahli Parlimen semakin berperanan dalam menyertai apa saja program yang direncanakan oleh CPA. Antaranya, **Yang Berhormat Parit Sulong, Dato' Dr. Noraini Ahmad** telah dilantik sebagai **Pengerusi kepada Commonwealth Women Parliamentarian** bagi tempoh 2016 hingga 2019.

9. Manakala baru-baru ini, pada **63rd Commonwealth Parliamentary Conference** yang diadakan di Kampala pada 22 hingga 29 September lalu, **Yang Berhormat Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd. Akin** pula telah dilantik sebagai **Bendahari** kepada CPA.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Dewan Bankuet ini jug telah buat pertama kalinya digunakan untuk menganjurkan **Majlis Jamuan Negara pada 18 September 1963**. Bermula dari tarikh itu, adalah menjadi amalan bagi setiap **Yang di-Pertuan Agong** untuk menganjurkan Majlis Jamuan Negara di sini pada sebelah malam selepas pembukaan Parlimen. Amalan ini berlarutan sehinggalah di bawah pemerintahan **Yang di-Pertuan Agong Kesembilan, Al-Marhum Tuanku Sultan Azlan Muhibbuddin Shah**.

11. Saya kira, elok juga kita hidupkan kembali amalan ini. Juga, untuk memastikan agar Dewan Bankuet ini, dan Parlimen Malaysia khususnya, sentiasa meriah dan terisi dengan pelbagai acara.

12. Pada awalnya, Dewan Bankuet ini hanya digunakan sebagai tempat penganjuran upacara rasmi yang hanya dihoskan oleh **Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri** sahaja.

13. Namun begitu, atas dasar **merealisasikan agenda reformasi Parlimen** untuk **menginstitusikan Parlimen Malaysia sebagai institusi rakyat**, Dewan Bankuet ini kini digunakan sebagai tempat untuk menganjurkan pelbagai program dan seminar. Langkah ini bertujuan untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan Parlimen Malaysia agar lebih dekat di hati rakyat.

14. Sementara itu, melangkah ke tahun 2020, Parlimen Malaysia akan bertukar wajah apabila Projek Fasa 3B siap untuk digunakan nanti. Projek Fasa 3B memuatkan **Blok Ahli Parlimen dan Dewan Serbaguna** yang mempunyai pelbagai kemudahan rekreasi. Antaranya ialah **gelanggang badminton, tenis, gymnasium, dan sauna** yang boleh dimanfaatkan secara bersama oleh Ahli-Ahli Parlimen, warga Parlimen dan kakitangan kementerian yang bertugas di sini.

15. Malahan, Parlimen juga akan mempunyai **Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)** sendiri yang bertempat di JKR 2929, Jalan Ledang yang baharu saja memulakan operasinya. Syabas kepada semua yang telah memenuhi hasrat warga Parlimen untuk mewujudkan sebuah TASKA untuk anak-anak warga Parlimen. Selain memberi kemudahan kepada Ahli-ahli Parlimen, pembukaan TASKA ini juga diharapkan dapat membantu mempertingkatkan komitmen kerja warga

Parlimen serta pegawai-pegawai media dan agensi kerajaan yang bertugas pada sesi persidangan Parlimen.

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Bersempena dengan majlis yang bersejarah ini, saya berharap kita akan dapat membaharui silaturrahim dan persahabatan di antara satu sama lain sambil mengenang kembali akan peristiwa-peristiwa menarik yang telah berlaku dalam sejarah Parlimen Malaysia sejak 60 tahun yang lalu. Saya percaya, banyak pengalaman dan pengajaran yang boleh ditimba bersama sama ada dari parti-parti kerajaan atau dari parti-parti pembangkang demi untuk mengukuhkan sistem demokrasi berparlimen untuk kesejahteraan tanahair kita yang tercinta.

*Si anak dara tertunduk malu,
Bila berada di hujung laman,
60 tahun sudah berlalu,
Terpahat memori sepanjang zaman.*

17. Sukalah saya mengajak Ahli-ahli Parlimen sekalian untuk sentiasa beriltizam, bagi meletakkan Parlimen Malaysia sebagai sebuah institusi perundangan yang bebas, berwibawa dan bertaraf dunia.

18. Marilah kita bersama-sama memeriahkan setiap sesi mesyuarat, baik di Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara, dengan perbahasan yang **lebih efektif, sentiasa dengan penuh kesantunan dan berimpak tinggi**, bukan sahaja kepada rakyat dan negara, malahan kepada kewibawaan institusi Parlimen ini sendiri.

19. Dalam sajaknya berjudul "Melayu", Sasterawan Negara, Usman Awang pernah mengingatkan kita:

*"Berkelahi cara Melayu
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum
Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bulan melorjak*

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Pada kesempatan majlis malam ini, ingin saya mengingatkan bahawa esok tanggal **5 Disember 2019** hari terakhir Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-14 Dewan Rakyat ini merupakan tugas terakhir bagi Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah sebagai Setiausaha Dewan Rakyat. Perkhidmatan beliau akan tamat pada Februari 2020 apabila berakhirnya tempoh kontrak selama setahun selepas tarikh bersara wajib.

21. Parlimen akan kehilangan seorang penasihat yang cukup istimewa, cukup berwibawa, cukup berpengalaman dan cukup berpengetahuan bersempena menjelang hari persaraan beliau nanti.

22. Saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Rakyat dan seluruh warga Parlimen Malaysia ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah di atas segala sumbangan dan komitmen diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Setiausaha Dewan Rakyat sejak 26 Disember 2007.

23. Sesungguhnya, jasa dan budi Datuk Roosme Hamzah tiada tolok bandingnya dan akan sentiasa dikenang. Dengan nada yang sama, marilah kita mengimbas kembali jasa dan khidmat bakti warga-warga Parlimen yang lain yang telah menyumbang untuk mengukuhkan institusi ini. Jasa-jasa kalian sentiasa disanjung dan dikenang.

Akhir kalam,

*Sudah matang bunga cempaka,
Waktu pagi kembang sekali,
Selesai sudah ucapan saya
Tersilap kata, tersasul bahasa
pohon maaf diberi.*

Sekian, Wabillahi taufik walhidah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.